

30/12/1998

PM lancar program Cinta Negara

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan program gerakan Cinta Negara untuk menyemarakkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat.

Pelancaran melalui laman web khas Kementerian Penerangan itu bertujuan memantapkan perpaduan dan menggerakkan sokongan rakyat terhadap usaha pemulihan ekonomi.

Orang ramai boleh menyatakan kecintaan mereka kepada negara dengan melayari laman web itu di alamat <http://kempen.gov.my>.

Pelancaran itu dibuat dalam perhimpunan Kementerian Penerangan di Angkasapuri, sebaik saja Perdana Menteri selesai mengadakan rakaman perutusan khas tahun baru.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Sasaran utama gerakan Cinta Negara ialah remaja agar mereka menjiwai pengorbanan generasi terdahulu dalam membangun dan memakmurkan negara.

Dalam buku cenderamata pelancaran gerakan itu, Mohamed berkata, proses pensejagatan atau globalisasi yang berlaku menjadi senjata baru kepada kuasa dunia untuk menyerang kedaulatan negara seperti Malaysia dari segi politik, ekonomi dan sosial.

"Penjelmaan kempen jahat itu sedang diharungi dalam bentuk cabaran ekonomi yang diikuti serangan politik," katanya.

Logo Cinta Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri itu memberi pengertian untuk menyemarakkan semangat kecintaan terhadap negara di kalangan rakyat Malaysia.

Lambang hati membayangkan perasaan cinta kepada negara sementara gabungan warna asal jalur gemilang, bagi melambangkan ketahanan nasional, termasuk keamanan, kemakmuran dan kestabilan ekonomi.

Huruf 'M' pada lambang itu menggambarkan keteguhan dan kebanggaan rakyat terhadap negara.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menandatangani buku Cetusan Rasa, iaitu kempen merakamkan bantahan rakyat terhadap percubaan campur tangan asing dalam pentadbiran negara.

Sejak dilancarkan pertengahan bulan lalu, lebih 80,000 rakyat dari seluruh negara sudah menandatangani buku itu, yang turut ditempatkan di pejabat Penerangan negeri dan daerah.

Buku itu juga ditempatkan di pusat beli-belah dan jabatan kerajaan bagi membolehkan rakyat dari seluruh menandatangani.

(END)